



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

24 Jun 2020

1. Rumah jadi tempat Proses ayam; Harian Metro

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Lokal	M/SURAT: <input type="text" value="9"/>	RUANGAN :	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input checked="" type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
24 Jun 2020			

Rumah jadi tempat proses ayam

Kuala Lumpur: Sebuah kediaman di Jalan 17A, Kampung Cheras Baru di Kuala Lumpur diberi notis penutupan berkuat kuasa hari ini selepas menyalahgunakan rumah sebagai tempat menyimpan dan memproses ayam segar.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menerusi perkongsian di Facebook (FB), semalam, memaklumkan notis penutupan premis dikeluarkan mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976, Seksyen 101(1)(v).

Kira-kira 60 ekor ayam hidup turut disita dalam

operasi yang dijalankan oleh Unit Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar dan Jabatan Penguatkuasaan DBKL, semalam.

Menerusi perkongsian di FB itu, DBKL menjelaskan, seramai 11 anggota terbabit dalam operasi berkenaan dan dua pekerja asing warga Indonesia ditemui ketika serbuan dijalankan.

Katanya, hasil siasatan dijalankan mendapati pemilik kediaman melakukan beberapa kesalahan.

“Antaranya adalah tidak memiliki lesen perniagaan

daripada DBKL, beroperasi tanpa mengikut prosedur operasi standard (SOP) pusat penyembelihan ayam oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan mengalirkan darah terus ke longkang awam.

“Selain itu, lokasi untuk aktiviti itu juga tidak sesuai kerana berada di zon kediaman,” katanya.

Sebarang aduan berhubung kebersihan boleh disalurkan ke Pusat Panggilan Setempat DBKL di talian 1 800 88 3255 atau terus ke Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar DBKL.